



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

GAYA PEMIKIRAN DAN PENDEKATAN PEMBELAJARAN PELAJAR
DALAM MATA PELAJARAN PERAKAUNAN DI SEBUAH
KOLEJ MATRIKULASI

SUZANA BT. MAD HEZIR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PERAKAUNAN)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2012



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

18.1.2012

SUZANA BT. MAD HEZIR

M20082000334





PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang maha pengasih lagi maha penyayang.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi syukur kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNYA disertasi ini dapat disiapkan.

Jutaan terima kasih kepada penyelia, Dr. Noor Lela bt. Ahmad yang tidak jemu-jemu memberi panduan dan tunjuk ajar sepanjang penyediaan disertasi ini. Tidak lupa juga kepada para pensyarah yang terlibat dalam mencurahkan ilmu sehingga terhasilnya disertasi ini.

Penghargaan yang tidak terhingga juga ditujukan atas bantuan, sokongan dan pengorbanan ahli keluarga tercinta. Tanpa kalian disertasi ini tidak dapat direalisasikan. Suami dan anak-anak, Josi Rizal Sa'ari, Ariq Zafran dan Afiq Zakwan, mak dan ayah, Mad Hezir Mohd. Noor dan Zariah Bahar serta adik-beradik, ibu bapa mertua dan ipar-duai serta ahli keluarga mereka. Terima kasih atas segala-galanya.

Tidak dilupakan juga penghargaan buat rakan-rakan yang banyak membantu dan sentiasa di sisi dalam tawa dan tangis. Jasa kalian pasti tuhan membalasnya. Haslina, Mahaliza, Safizan dan rakan-rakan seperjuangan yang lain serta tidak dilupakan rakan-rakan yang membantu ketika kutipan data. Ribuan terima kasih.

Akhirnya, terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penghasilan disertasi ini sama ada secara langsung atau tidak langsung.



ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti gaya pemikiran yang dominan dan kecenderungan pendekatan pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar matrikulasi dalam mata pelajaran Perakaunan. Sampel kajian ini terdiri daripada 218 orang pelajar jurusan perakaunan dari sebuah kolej matrikulasi. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan secara kuantitatif. Instrumen yang digunakan adalah soal selidik 48 item yang terdiri daripada tiga bahagian iaitu Bahagian A (3 item – maklumat latar belakang), Bahagian B (25 item – gaya pemikiran) dan Bahagian C (20 item – pendekatan pembelajaran). Analisis deskriptif (peratus dan min) dan statistik inferens (ujian-t, ANOVA dan korelasi *Pearson*) telah digunakan untuk mendapatkan maklumat berkaitan hubungan di antara pemboleh ubah bersandar (gaya pemikiran dan pendekatan pembelajaran) dengan pemboleh ubah bebas (jantina dan pengetahuan sedia ada). Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa pelajar lelaki lebih dominan dalam gaya pemikiran *internal* berbanding pelajar perempuan. Sebaliknya, pelajar perempuan lebih dominan dalam gaya pemikiran *executive* berbanding pelajar lelaki. Dari segi pendekatan pembelajaran pula didapati pelajar lelaki lebih cenderung mengamalkan pendekatan permukaan. Walau bagaimanapun, tidak terdapat perbezaan gaya pemikiran dan pendekatan pembelajaran berdasarkan gred Prinsip Perakaunan SPM. Dapatan kajian ini penting di kalangan pendidik supaya mereka dapat memahami kepelbagaian gaya pemikiran dan pendekatan pembelajaran di kalangan pelajar. Seterusnya, ia dapat membantu para pendidik menyesuaikan kaedah pengajaran dan penilaian dengan gaya pemikiran dan pendekatan pembelajaran pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, maklumat dan hasil dapatan kajian boleh dijadikan sebagai satu panduan dalam penggubalan kurikulum Perakaunan di peringkat matrikulasi terutamanya dalam sistem penilaian. Kajian ini terhad kepada pelajar sebuah kolej matrikulasi sahaja, oleh itu penglibatan sampel yang lebih besar bagi kajian akan datang bakal memberi maklumat yang lebih tepat.

ABSTRACT

The purpose of this study is to identify the dominant thinking styles and approaches to learning preferences are favored by students in the Matriculation College focusing in Accounting subjects. The study sample consisted of 218 students majoring in Accounting from a matriculation college. This study used quantitative survey methods. The instrument used is a 48 items questionnaire consisting of three parts, Part A (3 items - the background information), Part B (25 items - the thinking style) and Section C (20 items - the learning approaches). Descriptive analysis (percentage and mean) and statistical inference (t-test, ANOVA and correlation Pearson) was used to obtain information on the relationship between the dependent variable (the thinking style and learning approaches) with independent variables (gender and prior knowledge). The findings showed that boys are more dominant in the internal thinking style than girls. In contrast, female students were more dominant in the executive thinking style than male students. In terms of learning approaches male students were found to be more likely to adopt surface approaches. However, there were no differences in thinking styles and learning approaches based on the grade of SPM Accounting Principles. The findings are important for educators so that they can understand the diversity of thinking styles and approaches to learning among students. Hence, it can help teachers adapt teaching methods and assessment based on the diversity of thinking styles and approaches to learning of students in teaching and learning. In addition, information and research findings can be used as a guide in the formulation of accounting curriculum at the matriculation level, especially in the evaluation system. This study was limited to only one matriculation college students, by the involvement of a larger sample for future research will provide more accurate information.

ISI KANDUNGAN

PERKARA	Mukasurat
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.2.1 Latar Belakang Pendidikan Perakaunan	4
1.2.2 Latar Belakang Program Matrikulasi	7
1.2.3 Perbezaan Individu	12
1.2.4 Gaya Pemikiran	16
1.2.5 Pendekatan Pembelajaran	17
1.3 Penyataan Masalah	21
1.4 Tujuan Dan Objektif Kajian	23
1.5 Persoalan Kajian	24
1.6 Hipotesis Kajian	24
1.7 Kepentingan Kajian	25
1.8 Teori Pengurusan Mental Kendiri (<i>The Theory of Mental Self-Government</i>)	26
1.9 Model Pengajaran Dan Pembelajaran 3P Biggs.	31
1.9.1 Pendekatan Permukaan Dan Pendekatan	33

PERKARA**Mukasurat****Mendalam**

1.10 Kerangka Konseptual Kajian	39
1.11 Batasan Kajian	41
1.12 Definisi Operasional	42
1.12.1 Mata Pelajaran Perakaunan	42
1.12.2 Gaya Pemikiran	42
1.12.3 Pendekatan Pembelajaran	42
1.12.4 Pelajar	42
1.12.5 Kolej Matrikulasi	43
1.12.6 Pengetahuan Sedia Ada	43
1.13 Rumusan	44

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	45
2.2 Gaya Pemikiran	45
2.2.1 Kajian Mengenai Gaya Pemikiran	50
2.3 Pendekatan Pembelajaran	54
2.3.1 Kajian Mengenai Pendekatan Pembelajaran	56
2.4 Hubungan Antara Gaya Pemikiran dan Pendekatan Pembelajaran	60
2.5 Gaya Pemikiran Dan Pendekatan Pembelajaran Dalam Konteks Pendidikan Perakaunan	62
2.6 Rumusan	68

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan	69
3.2 Reka Bentuk Kajian	69
3.3 Populasi dan Sampel	71
3.4 Instrumentasi	74
3.4.1 Inventori Gaya Pemikiran (<i>TSI</i>)	75
3.4.2 Soal Selidik Proses Pembelajaran (<i>R-SPQ-2F</i>)	77

PERKARA**Mukasurat**

3.5 Kajian Rintis	78
3.6 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	79
3.7 Prosedur Pengumpulan Data	82
3.8 Prosedur Penganalisisan Data	82
3.8.1 Ujian-t Tidak Bersandar	85
3.8.2 ANOVA	85
3.8.3 Korelasi <i>Pearson Product-moment</i>	85
3.9 Rumusan	87

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	88
4.2 Maklumat Demografi Responden	88
4.3 Gaya Pemikiran Yang Dominan	89
4.3.1 Gaya Pemikiran Pelajar Secara Keseluruhan	89
4.3.2 Taburan Gaya Pemikiran Mengikut Jenis	90
4.3.2.1 Gaya Pemikiran <i>Executive</i>	90
4.3.2.2 Gaya Pemikiran <i>External</i>	92
4.3.2.3 Gaya Pemikiran <i>Judicial</i>	93
4.3.2.4 Gaya Pemikiran <i>Legislative</i>	94
4.3.2.5 Gaya Pemikiran <i>Internal</i>	95
4.4 Kecenderungan Pendekatan Pembelajaran	96
4.4.1 Pendekatan Pembelajaran Secara Keseluruhan	96
4.4.2 Taburan Pendekatan Pembelajaran Mengikut Jenis	96
4.4.2.1 Pendekatan Mendalam	96
4.4.2.2 Pendekatan Permukaan	98
4.5 Perbezaan Gaya Pemikiran Berdasarkan Faktor Demografi	100
4.5.1 Perbezaan Gaya Pemikiran Berdasarkan Faktor Jantina	100

PERKARA**Mukasurat**

4.5.2 Perbezaan Gaya Pemikiran Berdasarkan Faktor Gred Prinsip Perakaunan SPM	101
4.6 Perbezaan Pendekatan Pembelajaran Berdasarkan Faktor Demografi	103
4.6.1 Perbezaan Pendekatan Pembelajaran Berdasarkan Faktor Jantina	103
4.6.2 Perbezaan Pendekatan Pembelajaran Berdasarkan Faktor Gred Prinsip Perakaunan SPM	104
4.7 Hubungan Antara Gaya Pemikiran dan Pendekatan Pembelajaran	105
4.8 Rumusan	106
BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	
5.1 Pengenalan	108
5.2 Ringkasan Kajian	108
5.3 Perbincangan Dapatan Kajian	110
5.3.1 Gaya Pemikiran Pelajar Dalam Mata Pelajaran Perakaunan	111
5.3.2 Perbezaan Gaya Pemikiran Berdasarkan Faktor Demografi	113
5.3.3 Pendekatan Pembelajaran Pelajar Dalam Mata Pelajaran Perakaunan	116
5.3.4 Perbezaan Pendekatan Pembelajaran Berdasarkan Faktor Demografi	118
5.3.5 Hubungan Antara Gaya Pemikiran Dan Pendekatan Pembelajaran	121
5.4 Implikasi	122
5.5 Cadangan Kajian Akan Datang	124

PERKARA	Mukasurat
5.6 Rumusan	126
Rujukan	127
LAMPIRAN	
Soal selidik	I
Surat kebenaran menjalankan kajian	II
Output ujian normaliti	III

SENARAI JADUAL

Jadual	Tajuk	Mukasurat
1.1	Gaya Dalam Teori Pengurusan Mental Kendiri	30
1.2	Motif dan Strategi Pendekatan Pembelajaran	36
1.3	Kesan Pendekatan Pembelajaran	37
2.1	Kaedah Pengajaran Dan Gaya Pemikiran	48
2.2	Bentuk Penilaian Dan Gaya Pemikiran	49
3.1	Populasi dan Sampel	73
3.2	Isi Kandungan Soal Selidik	75
3.3	Perincian Item Soal Selidik (Bahagian B)	76
3.4	Skala Likert Lima Markat Gaya Pemikiran	76
3.5	Perincian Item Soal Selidik (Bahagian C)	77
3.6	Skala Likert Lima Markat Pendekatan Pembelajaran	78
3.7	Garis Panduan Untuk Nilai Koefisien <i>Alpha Cronbach</i>	81
3.8	Nilai <i>Alpha Cronbach</i> Setiap Skala	81
3.9	Kekuatan Nilai Pekali Korelasi	85
3.10	Persoalan Kajian dan Statistik Yang Digunakan	86
4.1	Maklumat Demografi Responden	89
4.2	Gaya Pemikiran Pelajar Matrikulasi Dalam Mata Pelajaran Perakaunan	90
4.3	Taburan Persetujuan Responden Terhadap Gaya Pemikiran <i>Executive</i>	91
4.4	Taburan Persetujuan Responden Terhadap Gaya Pemikiran <i>External</i>	92
4.5	Taburan Persetujuan Responden Terhadap Gaya Pemikiran <i>Judicial</i>	93
4.6	Taburan Persetujuan Responden Terhadap Gaya Pemikiran <i>Legislative</i>	94
4.7	Taburan Persetujuan Responden Terhadap Gaya Pemikiran <i>Internal</i>	95
4.8	Pendekatan Pembelajaran Pelajar Matrikulasi Bagi Mata Pelajaran Perakaunan	96
4.9	Taburan Persetujuan Responden Terhadap Pendekatan Mendalam	97
4.10	Taburan Persetujuan Responden Terhadap Pendekatan Permukaan	98
4.11	Ujian-t Perbezaan Gaya Pemikiran Yang Dominan Mengikut Jantina	100
4.12	Perbezaan Gaya Pemikiran Pelajar Matrikulasi Dalam Mata Pelajaran Perakaunan Mengikut Gred Prinsip Perakaunan SPM	102

Jadual	Tajuk	Mukasurat
4.13	Ujian-t Perbezaan Kecenderungan Pendekatan Pembelajaran Mengikut Jantina	103
4.14	Perbezaan Kecenderungan Pendekatan Pembelajaran Mengikut Gred Prinsip Perakaunan SPM	104
4.15	Korelasi Antara Gaya Pemikiran dan Pendekatan Pembelajaran	105
4.16	Rumusan Dapatan Kajian Analisis Statistik Inferensi	108

SENARAI RAJAH

Rajah	Tajuk	Mukasurat
1.1	Model Pengajaran dan Pembelajaran 3P Biggs	32
1.2	Elemen Pendekatan Pembelajaran	36
1.3	Kerangka Konseptual Kajian	41

SENARAI SINGKATAN

BMKPM	Bahagian Matrikulasi Kementerian Pelajaran Malaysia
BPPDP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
dk	darjah kebebasan
GPA	<i>Gred Point Average</i>
IPS	Inisiatif Pembaharuan Strategik
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
KMM	Kolej Matrikulasi Melaka
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
PIPP	Pelan Induk Perancangan Pendidikan
<i>R-SPQ-2F</i>	<i>Revised Study Process Questionnaire</i>
sig.	Signifikan
SP	Sisihan Piawai
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
<i>SPQ</i>	<i>Study Process Questionnaire</i>
<i>TSI</i>	<i>Thinking Styles Inventory</i>



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Umum telah mengetahui bahawa manusia secara semula jadinya berfikir dan belajar dengan cara yang berbeza. Menurut Riding dan Rayner (1998), perbezaan dari segi gaya sepatutnya diberi penekanan kerana ianya sangat memberi kesan ke atas cara hidup seseorang dan bagaimana mereka berkelakuan. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi meninjau gaya pemikiran dan pendekatan pembelajaran yang cenderung diamalkan oleh para pelajar matrikulasi dalam mempelajari mata pelajaran Perakaunan. Ini turut disokong oleh Zhang dan Sternberg (2005) yang telah membuktikan bahawa gaya pemikiran dan pendekatan pembelajaran memberi kesan ke atas hasil pembelajaran pelajar. Dengan mengenalpasti gaya pemikiran dan pendekatan pembelajaran pelajar, proses pengajaran dan pembelajaran boleh diperbaiki ke arah pembelajaran yang optimum di kalangan pelajar. Maka, manfaatnya bukan sahaja berpihak kepada pendidik bahkan juga kepada pelajar itu sendiri.





1.2 Latar Belakang Kajian

Dalam era globalisasi dan kepesatan perkembangan komunikasi dan teknologi maklumat, dunia pendidikan turut tidak terlepas dari terkena tempiasnya. Para pendidik harus sentiasa berubah dalam aspek pengajarannya sejajar dengan perubahan dan inovasi yang meluas dalam bidang pendidikan. Pertambahan bilangan pelajar di mana-mana institusi pendidikan saban tahun membuktikan akses kepada pendidikan menjadi antara agenda utama dalam pembangunan negara. Dengan kepelbagaian yang wujud di kalangan pelajar tersebut, pendidik tidak boleh lagi berada di takuk lama bagi mencapai hasrat yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) (2010). Kaedah pengajaran perlu dipelbagaikan dan disesuaikan dengan para pelajar bagi memastikan setiap pelajar mendapat manfaat daripada proses pembelajaran tersebut.

Penekanan terhadap pendidikan untuk memperkembangkan potensi individu secara optimum dan menyeluruh seperti yang terkandung dalam FPK (2010) telah menjelaskan tentang adanya perbezaan di kalangan manusia. Berdasarkan kepercayaan bahawa setiap individu pelajar mempunyai potensi yang boleh diperkembangkan, adalah menjadi tanggungjawab pendidik untuk memperkembangkan potensi ini. Seiring dengan perkembangan teknologi, para pendidik perlu merancang kaedah dan strategi pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang akur dengan perbezaan individu pelajar mereka.

Dalam merealisasikan hasrat memperkembangkan potensi individu seperti yang dihasratkan itu, pendidikan perakaunan turut diberi penekanan agar berupaya membentuk rakyat Malaysia yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Kurikulum pendidikan perakaunan digubal bagi mendukung cita-cita murni dan unggul selaras dengan hasrat FPK menyediakan warga Malaysia yang dapat menghadapi cabaran era



globalisasi dalam abad ke-21. Pendidikan perakaunan turut memainkan peranan penting seiring dengan kepentingan sains dan teknologi dalam memenuhi aspirasi negara menerusi Wawasan 2020. Usaha Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) memperkenalkan ‘dua pensijilan’ bagi pelajar yang mengambil mata pelajaran Prinsip Perakaunan dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) menunjukkan bidang ini tidak disisihkan.

Selain penekanan kepada bidang sains dan teknologi, bidang pendidikan perakaunan juga adalah antara bidang pengajian yang memerlukan satu pengubahsuaian selaras dengan perubahan dalam dunia perniagaan hari ini. Isu pemikiran harus dititikberatkan dalam pengajaran seiring dengan kehendak dunia pekerjaan yang memerlukan sumber manusia yang boleh berfikir secara holistik. Kerajaan turut prihatin akan kepentingan isu ini dan ianya dapat dilihat pada penganjuran Persidangan Pemikiran Antarabangsa (ICOT) ke-14 yang berlangsung pada 22 hingga 26 Jun 2009 yang lalu. Pro-Canselor Universiti Putera Malaysia, Tan Sri Rozali Ismail menegaskan persidangan tersebut mampu melahirkan individu yang efektif dan berupaya menilai gaya pemikiran berbeza, sekali gus menggalakkan generasi ahli fikir yang kritikal dan kreatif (Khairina, 2009).

Selain daripada itu, perubahan yang diperlukan termasuklah juga dalam sistem penilaian kerana orientasi terhadap peperiksaan semata-mata seperti yang diamalkan sekarang tidak membantu dalam memperkembangkan potensi individu. Ini disokong oleh Menteri Pelajaran Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang menyatakan “jika kita terlalu menjurus kepada peperiksaan, ia akan menyebabkan matlamat ke sekolah untuk menuntut ilmu, lebih kreatif dan menambah pengetahuan secara lebih holistik tidak akan



dicapai sepenuhnya” (Junita, 2010). Justeru, kajian yang berterusan perlu dijalankan dalam konteks memahami perbezaan individu terutamanya dari segi gaya pemikiran dan pendekatan pembelajaran dalam pendidikan perakaunan.

1.2.1 Latar Belakang Pendidikan Perakaunan

Dalam mewujudkan masyarakat makmur yang mempunyai ekonomi yang bersaing, dinamik dan kental, unsur keusahawanan adalah merupakan elemen yang penting. Bidang keusahawanan merupakan salah satu bidang yang membantu pertumbuhan ekonomi dari segi peluang pekerjaan dan salah satu ciri penting usahawan yang berjaya adalah pengetahuan dan kemahiran dalam perakaunan (Suhaida, 2002). Matlamat pendidikan perakaunan adalah untuk melahirkan profesional perakaunan lepasan sekolah yang kompeten bagi memenuhi keperluan industri ataupun bagi tujuan melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Selain itu kurikulum ini juga dapat menyediakan seorang insan yang mempunyai nilai murni, etika kerja yang cemerlang dan bertanggungjawab terhadap persekitarannya. Prinsip Perakaunan merupakan satu pengajian asas perakaunan yang bertujuan untuk melahirkan individu yang mempunyai kemahiran perakaunan, berakauntabiliti, berfikiran kritikal dan reflektif, mengamalkan budaya kerja yang beretika, berkemahiran dalam teknologi maklumat, membudayakan pembelajaran sepanjang hayat, mempunyai kemahiran komunikasi yang baik melalui pendekatan pembelajaran bermakna dan kesepaduan teori dan amalan perakaunan seperti yang dinyatakan dalam objektif pembelajaran (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2009).



Pendidikan perakaunan merupakan satu bidang yang penting di dalam pendidikan negara bagi melahirkan pelajar yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam membantu pengurusan ekonomi negara. Bidang ini mula diperkenalkan oleh Luca Pacioli, seorang ahli matematik di Venice, Itali pada tahun 1494. Beliau menjelaskan bahawa satu sistem yang betul untuk merekodkan maklumat-maklumat dari sesuatu peristiwa ekonomi perlu direkodkan dengan lengkap dan tepat. Oleh itu beliau memperkenalkan sistem simpan kira catatan bergu (Wan Madznah & Zaleha, 2003). Luca Pacioli telah membentuk asas perakaunan yang diamalkan hingga kini dan ini menyebabkan beliau dikenali sebagai 'Bapa Perakaunan' (Khalid & Mohd. Diah, 2007).

Dari segi definisi, Sukumaran (1991) memberi makna pendidikan perakaunan sebagai satu pengajian mengenai semua peraturan-peraturan atau prinsip-prinsip tentang pemerekodan angka dalam nilai-nilai kewangan. Skounsens, Langenderfer & Albrecht (1993) pula mentakrifkan pendidikan Perakaunan sebagai satu bidang ilmu yang berkaitan dengan pemahaman dan kemahiran pelajar dalam mengumpul, mengukur dan menyampaikan maklumat kewangan (dalam Shariffah Intan, 2006)

Pendidikan simpankira dan perakaunan diintegrasikan ke dalam sistem persekolahan di Malaysia secara beransur-ansur. Ia mula diperkenalkan melalui konsep amalan perdagangan sebagai sabahagian daripada sukatan pelajaran matematik (Sukumaran, 1991). Namun begitu, pendidikan asas perakaunan secara formal mula diberi penekanan menerusi mata pelajaran Perdagangan selaras dengan pelaksanaan KBSM pada tahun 1989. Komponen ini telah mula diterapkan seawal tingkatan satu menerusi mata pelajaran Kemahiran Hidup sebagai mata pelajaran wajib di peringkat menengah rendah. Manakala di peringkat menengah atas, mata pelajaran Prinsip

Perakaunan secara khusus ditawarkan sebagai mata pelajaran elektif selain daripada mata pelajaran teras.

Isi kandungan mata pelajaran prinsip perakaunan adalah merupakan peningkatan dalam bidang simpan kira yang lebih mengutamakan proses merekod urusanniaga berdasarkan prosedur debit dan kredit. Pelajar-pelajar didedahkan tentang konsep dan prinsip asas perakaunan, perancangan kewangan dan pengurusan pengekosan. Di samping konsep, prinsip dan kaedah perakaunan, pelajar-pelajar akan diperkukuhkan dengan kemahiran merekod, mengklasifikasikan, mentafsir, menganalisis dan mengungkap data kewangan berdasarkan urusanniaga atau peristiwa perniagaan. Pelajar-pelajar juga didedahkan kepada penggunaan komputer dalam sistem perakaunan berkomputer selaras dengan perkembangan teknologi maklumat semasa (Marlina, 2005).

Pada peringkat yang lebih tinggi, mata pelajaran perakaunan turut diajar di tingkatan enam dan matrikulasi. Sukatan pelajaran perakaunan di tingkatan enam adalah bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang perakaunan bagi membolehkan pelajar meneruskan pengajian di institusi pengajian tinggi serta melanjutkan pengajian untuk memperoleh kelulusan profesional dan kerjaya dalam bidang perakaunan (Majlis Peperiksaan Malaysia, 1999). Begitu juga di peringkat matrikulasi, walaupun mempunyai sukatan pelajaran yang sedikit berbeza daripada tingkatan enam, matlamatnya juga adalah untuk menyediakan calon-calon bagi mencapai tahap piawai asas pengetahuan perakaunan yang diperlukan sebagai persediaan di peringkat ijazah (Bahagian Matrikulasi, 2006).

1.2.2 Latar Belakang Program Matrikulasi

Program matrikulasi merupakan program pra-universiti yang ditawarkan kepada pelajar-pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan dikendalikan oleh Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Antara IPTA yang menawarkan program matrikulasi termasuklah Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Utara Malaysia (UUM). Namun begitu, bermula pada tahun 1999 Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengambilalih program matrikulasi daripada IPTA dengan mewujudkan kolej-kolej matrikulasi bertujuan untuk menyelaraskan pengurusan program ini.

Program Matrikulasi merupakan satu program persediaan bagi pelajar bumiputera untuk melayakkan mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah pertama dalam bidang sains, teknologi dan perakaunan. Oleh itu keperluan menguasai kemahiran perakaunan adalah penting sebagai persediaan asas kepada pelajar untuk meneruskan pengajian di dalam kursus berkaitan perakaunan dan keusahawanan di peringkat universiti kelak. Pendidikan perakaunan yang berkualiti di peringkat matrikulasi adalah penting bagi memastikan pelajar yang dibekalkan ke universiti adalah modal insan yang berdaya saing dan mampu menjana kecemerlangan dalam bidang yang diceburi. Sebelum ini program matrikulasi telah dikendalikan oleh beberapa IPTA lebih tiga puluh tahun yang lalu dengan cara dan corak pelaksanaan yang berbeza. Hasil dari program ini telah melahirkan banyak cendekiawan dan tenaga mahir bumiputera dalam bidang profesional.

Objektif utama program ini seperti yang digariskan oleh Bahagian Matrikulasi (2010) ialah:

- membangunkan modal insan selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.
- mengeluarkan lulusan Program Matrikulasi bagi memenuhi keperluan institusi pengajian tinggi awam dalam bidang sains, teknologi dan profesional.
- menjana lepasan Program Matrikulasi yang berpengetahuan, kreatif dan berdaya saing.

Pengambilalihan Program Matrikulasi oleh KPM daripada IPTA telah dilakukan secara berperingkat. Peringkat pertama bermula pada awal tahun 1999 dengan pengambilan kumpulan pertama (perintis) di kalangan pelajar sekolah berasrama penuh (SBP) dan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM). Kumpulan pelajar ini telah ditempatkan di Kolej Yayasan Pelajaran Mara, Bangi. Kolej Matrikulasi Melaka (KMM) dan Kolej Matrikulasi Labuan (KML) telah membuat pengambilan pertama pada bulan Julai 1999. Tiga buah kolej yang lain telah mulai beroperasi pada tahun 2000 iaitu Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan (KMNS), Kolej Matrikulasi Pulau Pinang (KMPP) dan Kolej Matrikulasi Perlis (KMP). Pada sesi 2002/2003, Kolej Matrikulasi Perak (KMPk) dan Kolej Matrikulasi Johor (KMJ) telah membuat pengambilan yang pertama. Kolej Matrikulasi Kedah (KMK) dan Kolej Matrikulasi Pahang (KMPh) pula mula beroperasi pada sesi 2003/2004. Tiga buah kolej teknikal iaitu Kolej Matrikulasi Teknikal Pahang, Kolej Matrikulasi Teknikal Johor dan Kolej Matrikulasi Teknikal Kedah telah beroperasi mulai tahun 2009 (Bahagian Matrikulasi, 2010). Terkini, sebuah kolej di Banting,

Selangor iaitu Kolej Matrikulasi Selangor (KMS) telah beroperasi dengan menerima pelajar sulungnya pada sesi 2010/2011.

Pengurusan Program Matrikulasi dipertanggungjawabkan sepenuhnya di bawah Bahagian Matrikulasi, Kementerian Pelajaran Malaysia (BMKPM) kecuali Program Matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Pusat Asasi Sains Universiti Malaya (UM). Walau pun begitu, IPTA masih terlibat secara langsung dengan penggubalan kurikulum Program Matrikulasi, penggubalan soalan peperiksaan, penaksiran soalan peperiksaan dan pemeriksaan kertas jawapan peperiksaan. Oleh itu pengambilalihan Program Matrikulasi oleh KPM berupaya mengawal kualiti dan memenuhi keperluan kuantiti pelajar bumiputera untuk menyediakan pelajar yang lebih berdaya saing dan beriltizam untuk mengikuti program ijazah pertama di IPTA (Bahagian Matrikulasi, 2010).

Sehingga kini, program matrikulasi telah mengjangkau usia sebelas tahun dan pelbagai perubahan telah berlaku dalam jangkamasa tersebut. Antaranya ialah perubahan dalam tempoh dan juga struktur pengajian. Pada peringkat awal, tempoh pengajian program matrikulasi ialah selama tiga semester. Namun begitu, mulai sesi 2001/2002, tempoh ini telah disingkatkan kepada dua semester sahaja. Manakala dari segi perubahan struktur pengajian pula, BMKPM telah memperkenalkan program pengajian empat semester bermula sesi 2006/2007. Di samping itu, selaras dengan dasar kerajaan, langkah pengambilan sepuluh peratus pelajar bukan bumiputera telah dibuat bermula sesi 2003/2004. Langkah ini telah membuka peluang golongan bukan bumiputra untuk

mengikuti pengajian di peringkat matrikulasi sekaligus memudahkan laluan mereka ke universiti.

Pada dasarnya, program matrikulasi KPM menawarkan dua jurusan iaitu jurusan sains dan perakaunan. Namun begitu, BMKPM telah menawarkan aliran teknikal bertujuan memberi peluang kepada pelajar-pelajar aliran tersebut untuk meneruskan pengajian ke peringkat pra-universiti. Bagi kumpulan pelajar jurusan perakaunan subjek teras yang perlu diikuti ialah Matematik, Perakaunan, Ekonomi Dan Pengurusan Perniagaan. Matlamat kursus Perakaunan adalah untuk menyediakan calon-calon bumiputera bagi mencapai tahap piawai asas pengetahuan perakaunan yang diperlukan sebagai persediaan di peringkat ijazah (Bahagian Matrikulasi, 2006). Terdapat dua cabang perakaunan yang diajar di peringkat ini iaitu Perakaunan Kewangan di semester satu dan Perakaunan Pengurusan di semester dua .

Keprihatinan kerajaan terhadap pengajian matrikulasi terserlah menerusi tumpuan khusus yang diberikan dalam PIPP 2006-2010. Di dalam pelan induk tersebut, perancangan untuk Program Matrikulasi telah tercatat di dalam teras strategik yang keenam iaitu melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan. Teras tersebut menggariskan usaha untuk melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan seperti matrikulasi melalui inisiatif pembentukan kluster kecemerlangan yang berasaskan akademik, ko-kurikulum atau bidang-bidang khusus (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006). Bagi mana-mana kolej matrikulasi yang dikenal pasti kecemerlangannya dari kluster ini akan dijadikan penanda aras selari dengan usaha membangunkan sistem pendidikan yang berkualiti dan bertaraf dunia. Schubungan itu, sebarang langkah yang

diambil bagi meningkatkan keberkesanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah selaras dengan usaha memartabatkan program matrikulasi sebagai satu program akademik yang berkualiti dan diiktiraf dunia.

Walaupun program matrikulasi kini tidak lagi dikendalikan oleh IPTA, namun begitu peringkat ini masih lagi tergolong sebagai pendidikan tinggi. Dalam konteks Malaysia, pendidikan tinggi ialah pendidikan di peringkat lepasan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia atau Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (Sufean, 2008). Sebagai sebuah institusi pra-universiti atau pendidikan tinggi, kaedah pengajaran dan pembelajaran di matrikulasi adalah berbeza dari peringkat sekolah. Pelajar didedahkan dengan pengajaran berbentuk kuliah dan tutoran, maka seharusnya proses pembelajaran pelajar lebih menjurus ke arah suasana pembelajaran di universiti. Pendekatan pembelajaran pelajar juga sepatutnya lebih mendalam bertujuan untuk pemahaman dan bukan sekadar menghafal. Ini selaras dengan hasrat kerajaan dalam Inisiatif Pembaharuan Strategik 2 (IPS 2), Model Ekonomi Baru. Menurut IPS 2 tersebut, dalam usaha meningkatkan bakat tempatan, kerajaan akan mengkaji semula sistem pendidikan yang memungkinkan perubahan pendekatan pendidikan daripada ‘pembelajaran melalui hafalan’ kepada ‘pemikiran kreatif dan kritis’ (“Model Ekonomi Baru,” 2010).

Sistem pembelajaran di matrikulasi menerima pelajar dari pelbagai latar belakang. Justeru, perbezaan individu pelajar dari pelbagai aspek terutama gaya pemikiran dan pendekatan pembelajaran perlu dititikberatkan bagi menghasilkan output yang benar-benar bersedia dengan pembelajaran di universiti. Pemahaman yang baik terhadap pendekatan pembelajaran pelajar oleh para pendidik dianggap relevan dan penting dalam

pendidikan perakaunan kerana ini menggalakkan pengajaran yang lebih sistematik sekaligus meningkatkan kualiti pembelajaran pelajar (Davidson, 2002).

1.2.3 Perbezaan Individu

Secara umumnya, pembelajaran merupakan perubahan tingkah laku yang agak kekal akibat perubahan dalaman dan pengalaman, tetapi bukan disebabkan oleh sifat semulajadi manusia dari segi pertumbuhan atau kematangan. Ini kerana pembelajaran berlaku apabila rangsangan diproses oleh otak seseorang pelajar untuk menjadi pengalaman yang kemudian digunakan untuk sesuatu tingkah laku atau tindakan dalam situasi tertentu (Shahrin, Azizi & Jamaluddin, 2006). Pembelajaran biasanya dianggap sebagai pemerolehan maklumat dan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan tabiat serta pembentukan sikap dan kepercayaan. Pembelajaran bukan sahaja berlaku dalam kelas, malah ia boleh berlaku di mana-mana tempat dan pada sebarang masa. Pelajar dan pembelajaran merupakan elemen penting dalam sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran (P&P). Pengajaran yang berkesan bukan sahaja dapat memberi kefahaman kepada pelajar tetapi juga dapat menarik minat pelajar dan meninggalkan kesan dalam jiwa pelajar seterusnya menjurus kepada pencapaian yang cemerlang.

Sebagai seorang pendidik, kita seringkali tertanya-tanya mengapa sesetengah pelajar kita mudah memahami apa yang diajari dan sebahagian lagi sebaliknya. Persoalan sering juga timbul mengapa prestasi sebilangan pelajar tidak sebaik yang lain walaupun mendapat input yang sama. Ada pelajar yang mendapat gred A manakala segelintir lagi

memperolehi gred C walaupun diajar perkara yang sama menggunakan teknik yang sama. Secara tradisinya, kejayaan atau kegagalan seseorang pelajar seringkali dikaitkan dengan keupayaan pelajar tersebut. Seringkali pendidik berfikir bahawa pelajar yang memperoleh gred yang rendah adalah pelajar yang malas dan tidak bermotivasi (Zeeb, 2004). Namun begitu, beberapa dekad kebelakangan ini ahli akademik telah mengkaji faktor-faktor lain yang turut mempengaruhi pencapaian selain daripada keupayaan. Masalah yang dihadapi pelajar tersebut bukanlah kekurangan dari segi keupayaan tetapi ketidaksepadanan antara cara pengajaran sesuatu kursus dan cara pelajar berfikir dan belajar (Sternberg, 1994). Tidak dapat dinafikan bahawa gaya pengajaran pendidik merupakan faktor utama yang menyebabkan kegagalan pelajar memperoleh pencapaian akademik yang cemerlang. Ini kerana gaya pengajaran yang tidak selaras dengan gaya pembelajaran pelajar boleh menyebabkan proses P&P tidak dapat berlaku dengan berkesan (Shahrin et al., 2006).

Pelbagai faktor harus dipertimbangkan oleh para pendidik bagi menghasilkan P&P yang berkesan. Antara faktor penting yang perlu diberi perhatian sewajarnya adalah perbezaan individu pelajar di dalam sesebuah kelas. Perbezaan individu yang wujud di kalangan para pelajar merupakan satu fakta yang tidak boleh dinafikan dan ianya berlaku di mana-mana institusi pendidikan. Tiada dua orang pelajar yang sama di dalam sesebuah kelas. Mereka mempunyai latar belakang, minat, cita-cita, kekuatan, kelemahan dan tahap motivasi yang berbeza antara satu sama lain. Dapatan kajian oleh Kannan (1996, dalam Vivian Low Yen Yeong, 2007) menunjukkan bahawa perbezaan wujud dalam gaya pemprosesan maklumat oleh setiap individu. Terdapat individu yang memproses maklumat dengan cepat dan lebih berkesan daripada yang lain.

Perbezaan individu boleh wujud dari pelbagai aspek seperti jantina, bangsa, minat, bakat, latar belakang keluarga, pendidikan terdahulu dan yang pentingnya perbezaan personaliti. Pelajar yang berbeza dari segi personaliti dan juga latar belakang akan menyebabkan mereka memproses dengan cara yang berbeza untuk satu tugas yang sama. Hal ini juga akan menjurus kepada perbezaan dari segi gaya pemikiran dan seterusnya pendekatan kepada pembelajaran setiap individu pelajar. Menurut Felder dan Brent (2005), dalam memahami perbezaan individu pelajar tiga kategori kepelbagaian yang menunjukkan implikasi penting ke atas pengajaran dan pembelajaran adalah perbezaan gaya pembelajaran pelajar, pendekatan pembelajaran pelajar dan tahap pembangunan intelektual pelajar. Oleh itu, para pendidik perlu mengenal pasti dan memahami gaya pemikiran pelajar agar mereka dapat mempelbagaikan teknik pengajaran yang bersesuaian dengan gaya pemikiran pelajar tersebut. Sternberg, Grigorenko & Zhang (2008) menegaskan sesuatu pembelajaran yang dibentuk berasaskan kesedaran bahawa pelajar berfikir dan belajar dengan cara yang berbeza boleh mendorong kepada hasil pembelajaran yang lebih baik. Mereka juga membuktikan bahawa seseorang akan mempelajari sesuatu dengan lebih baik melalui kaedah pembelajaran yang luas dan sensitif terhadap kepelbagaian gaya kognitif berbanding kaedah pembelajaran yang sempit dan hanya ditujukan kepada satu gaya kognitif sahaja.

Setiap pelajar memberi respon kepada pembelajaran berdasarkan kepada sifat personaliti masing-masing dan ini memungkinkan berlaku ketidaksepadanan antara gaya pembelajaran mereka dengan gaya pengajaran guru (Zeeb, 2004). Pengetahuan tentang gaya pemikiran dan pembelajaran pelajar adalah penting kepada pendidik kerana ini membolehkan pendidik membuat perubahan dalam strategi dan kaedah pengajaran.

Menurut Sternberg (1994), pelajar akan memperoleh gred yang tinggi dan penilaian yang lebih memuaskan apabila gaya mereka sepadan atau sama dengan gaya guru mereka.

Hubungan pendekatan pembelajaran dengan beberapa pembolehubah lain telah banyak dikaji terutamanya tiga pembolehubah utama perbezaan individu iaitu gaya pemikiran, jenis kerjaya personaliti dan sifat personaliti. Peranan tiga konstruk ini di dalam pendekatan pembelajaran adalah penting untuk dikaji kerana ia merupakan tiga pembolehubah perbezaan individu yang sangat berpengaruh dalam minda ahli akademik dan pendidik sejak tiga dekad yang lalu. Ciri utama yang dikongsi oleh ketiga-tiga pembolehubah ini yang menjadikan ia sangat diminati untuk dikaji adalah kerana setiap satunya telah dibuktikan mempengaruhi hasil pembelajaran pelajar (Zhang & Sternberg, 2005). Secara asasnya, pemahaman konsep perbezaan gaya ini bukanlah semata-mata bermakna memberi arahan yang berbeza kepada setiap individu pelajar pada setiap masa. Apa yang penting adalah pendidik harus peka dan memahami perbezaan individu. Evans dan Cools (2009) menegaskan :

Fundamentally, a styles approach is not about adapting instruction to every student's needs in all situations; it is about having at the core of curriculum design, an understanding of the importance of individual differences and an awareness of how different ways of teaching can impact differentially on students with specific styles profiles. (ms. 3)

Selepas banyak kajian dan usaha yang telah dijalankan, beberapa teori dan model telah dibina berdasarkan konsep gaya ini. Para akademik di kebanyakan negara juga sentiasa menjalankan kajian menggunakan teori dan model tersebut. Walau bagaimanapun, antara kebanyakan teori yang telah dibina, dua teori yang paling menjanjikan keberkesanan dalam pengajaran dan pembelajaran adalah teori pendekatan pembelajaran Biggs dan teori pengurusan mental sendiri Sternberg (Zhang, 2004).

1.2.4 Gaya Pemikiran

Istilah gaya telah digunakan secara meluas dalam kehidupan seseorang yang membawa maksud sesuatu cara yang digemari atau kecenderungan seseorang dalam melakukan sesuatu. Antara yang biasa didengar ialah gaya kognitif, gaya pembelajaran dan gaya pemikiran. Pelbagai teori telah dibina berkaitan dengan konstruk gaya ini yang mana setiap satunya walaupun berbeza tetapi berkongsi satu pendapat yang sama: kesemuanya membezakan antara gaya dan keupayaan. Gaya merujuk kepada kecenderungan seseorang melakukan sesuatu manakala keupayaan merupakan sesuatu yang boleh dilakukan oleh seseorang-satu kemahiran atau kombinasi beberapa kemahiran (Zhang, 2001b).

Setiap individu memproses maklumat dengan cara yang berbeza berdasarkan tugas dan situasi yang dihadapi. Ini dijelaskan oleh Teori Pengurusan Mental Kendiri (*Theory of Mental Self-Government*) yang dibina oleh Robert J. Sternberg pada tahun 1988 (Zhang & Sternberg, 2006). Teori tersebut dipercayai lebih baik dan komprehensif daripada teori-teori yang sebelumnya. Gaya pemikiran didefinisikan sebagai suatu cara berfikir yang lebih disukai oleh seseorang dalam memproses maklumat atau melakukan sesuatu tugas. Gaya pemikiran bukanlah merupakan sesuatu keupayaan tetapi lebih kepada cara seseorang menggunakan keupayaan yang ada padanya. Teori Pengurusan Mental Kendiri menjelaskan 13 gaya pemikiran yang dikategorikan kepada lima dimensi iaitu fungsi, tahap, kecenderungan, bentuk dan skop.

Penggunaan gaya pemikiran yang berbeza di kalangan pelajar mempunyai implikasi dalam pengajaran dan pembelajaran terutamanya pencapaian akademik. Menurut Zhang (2001a), oleh kerana gaya pemikiran membawa perubahan dalam

pencapaian pelajar dan kerana ada pelbagai gaya pemikiran, seseorang pendidik harus mereka konteks pembelajaran yang memberi peluang kepada kepelbagaian gaya pemikiran tersebut. Dengan konteks pembelajaran sebegini, pelajar akan mendapat manfaat tanpa mengira apakah gaya pemikiran mereka. Zhang (2005) telah menjelaskan, pengajaran yang berkesan adalah dengan menggunakan keseimbangan gaya pemikiran iaitu melibatkan pengarah dan penilaian pelajar menggunakan pelbagai kaedah dan cara berbanding hanya satu kaedah sahaja.

1.2.5 Pendekatan Pembelajaran

Dalam usaha untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang membantu pelajar mencapai potensi mereka sepenuhnya, pemahaman terhadap pendekatan pembelajaran mereka adalah penting. Oleh itu, perhatian yang khusus perlu diberikan kepada bagaimana cara seseorang pelajar memperolehi data dan menghubungkannya dengan pengetahuan sedia ada, cara pelajar memproses pengetahuan tersebut dan memahaminya dan akhir sekali bagaimana cara pelajar menunjukkan kualiti tentang apa yang telah mereka pelajari (Marton & Saljo, 1976 dalam Cuthbert, 2005). Justeru, isu yang sering difokuskan berhubung dengan perbezaan individu dalam proses pembelajaran adalah gaya pembelajaran dan pendekatan pembelajaran.

Banyak kajian telah dijalankan berhubung gaya pembelajaran pelajar mengikut model-model tertentu tetapi konsep gaya pembelajaran adalah berbeza dengan pendekatan pembelajaran. Gaya pembelajaran berkait rapat dengan gaya kognitif dan ianya berbeza bagi setiap pelajar. Gaya kognitif diertikan sebagai kecenderungan seseorang terhadap sesuatu

cara mengumpul, memproses dan menyimpan maklumat dan pengalaman secara konsisten (Riding, 1997 dalam Cuthbert, 2005). Menurut Sadler-Smith (1996) pula, gaya pembelajaran didefinisikan sebagai sikap atau kelakuan seseorang yang telah menjadi kebiasaan dalam memperolehi pengetahuan atau kemahiran melalui pembelajaran atau pengalaman. Dengan lain perkataan, gaya pembelajaran ditakrifkan sebagai cara yang unik yang digunakan oleh individu pelajar untuk memperoleh, memproses, memahami dan mempersepsi maklumat.

Konsep pendekatan pembelajaran pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran dijelaskan lagi dalam Model Pengajaran dan Pembelajaran 3P yang dibina oleh John B. Biggs. 3P yang dimaksudkan dalam model ini adalah *presage*, *process* dan *product*. *Presage* ialah elemen sebelum pembelajaran, *process* ialah elemen semasa pembelajaran berlaku dan *product* ialah elemen hasil pembelajaran. Model ini menerangkan interaksi antara pelbagai faktor yang mempengaruhi proses pembelajaran termasuklah pendekatan pembelajaran yang dikategorikan dalam faktor *process* (Biggs (1991, 2003; Biggs & Moore, 1993).

Setiap pelajar mempunyai motif dan strategi yang berbeza dalam melalui proses pembelajaran mereka terutamanya dalam konteks pendidikan tinggi. Ada pelajar yang belajar untuk benar-benar memahami sesuatu perkara dan melakukan pelbagai cara untuk memahaminya. Mungkin juga terdapat segelintir pelajar yang belajar hanya bertujuan untuk lulus peperiksaan semata-mata. Menurut Biggs (1991), kombinasi motif dan strategi pelajar melaksanakan motif mereka itu dinamakan pendekatan kepada pembelajaran.

Menurut Bowden & Marton (2004) pendekatan pembelajaran merupakan hubungan antara bagaimana cara melihat (mengalami situasi pembelajaran) dan cara bertindak (mengendalikan situasi pembelajaran) seseorang pelajar dalam proses pembelajarannya. Tambah mereka lagi, perbezaan antara pendekatan kepada pembelajaran adalah perbezaan dalam apa yang difokuskan oleh pelajar, apa yang ingin dicapai oleh pelajar dan bagaimana mereka melaluinya.

Biggs (1991) mengkategorikan pendekatan pembelajaran kepada pendekatan permukaan, mendalam dan pencapaian. Menurut beliau, pendekatan permukaan adalah berasaskan kepada motivasi ekstrinsik atau luaran diri seseorang. Pelajar dengan pendekatan ini tidak berminat untuk memahami sesuatu subjek tetapi hanya sekadar mengelak daripada kegagalan dengan usaha yang seminima mungkin. Mereka memfokuskan kepada penghafalan bertujuan untuk meluahkannya kembali di dalam peperiksaan, sekadar untuk memenuhi keperluan kursus.

Pendekatan mendalam adalah kontra kepada pendekatan permukaan. Menurut Biggs (1991) lagi, pendekatan mendalam adalah berpunca dari motivasi intrinsik iaitu dari dalam diri seseorang. Pelajar dengan pendekatan ini mempunyai minat yang mendalam terhadap sesuatu subjek dan berasa puas apabila perasaan ingin tahu mereka dipenuhi. Bagi memaksimakan pemahaman, mereka banyak membaca dan berbincang dengan rakan.

Pendekatan pencapaian atau pendekatan strategik juga berpunca dari motivasi luaran iaitu bersaing untuk mendapatkan gred tertinggi. Menurut Biggs (1991), strategi yang digunakan dalam pendekatan ini adalah berkaitan dengan kemahiran belajar seperti pengurusan masa, ruang belajar dan penekanan kepada silibus yang akan dicakupi dalam



peperiksaan. Pelajar dengan pendekatan ini melihat markah dan gred peperiksaan sebagai sangat penting dan perlunya disiplin diri serta perancangan yang baik untuk mencapai kepentingan tersebut.

Beberapa kajian lepas telah mengklasifikasikan pendekatan pembelajaran kepada dua iaitu pendekatan permukaan dan pendekatan mendalam. Dalam pendekatan permukaan, pelajar memfokuskan kepada teks yang dibaca manakala sebaliknya dalam pendekatan mendalam, pelajar memfokuskan kepada perihal disebalik teks tersebut. Oleh kerana itu, pelajar yang menggunakan pendekatan mendalam mendapat pemahaman yang lebih kompleks berbanding pelajar dengan pendekatan permukaan (Bowden & Marton, 2004). Ramsden (2003) pula menyatakan seseorang pelajar mungkin menggunakan pendekatan yang berbeza bagi kursus yang berbeza atau mungkin juga bagi topik yang berbeza dalam kursus yang sama.



Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi kecenderungan pendekatan pembelajaran seseorang sama ada pendekatan mendalam atau permukaan. Pemerhatian Kember (2000) mendapati pendekatan yang diamalkan oleh pelajar adalah dipengaruhi oleh rekabentuk kurikulum, keperluan penilaian, beban tugas, pendekatan pengajaran guru dan persepsi serta minat pelajar terhadap sesuatu kursus. Pelajar akan sering bertukar-tukar antara pendekatan mendalam dan permukaan bergantung kepada keperluan sesuatu kursus atau bentuk penilaian. Gijbels dan Dochy (2006) turut menyatakan terdapat hubungan antara pendekatan pembelajaran dengan keutamaan penilaian.



1.3 Penyataan Masalah

Statistik pengangguran di kalangan graduan perakaunan semakin membimbangkan sedangkan masih banyak kekosongan di pasaran pekerjaan diiklankan di akhbar-akhbar tempatan. Antara punca yang sering diperdebatkan ialah kurangnya kualiti dari segi kemahiran generik dan nilai profesional di kalangan graduan perakaunan. Secara tidak langsung, sistem pendidikan perakaunan akan dipersalahkan kerana gagal melahirkan bakal akauntan yang memiliki ciri-ciri yang diperlukan oleh industri. Perubahan yang pesat dalam dunia perniagaan hari ini memberi isyarat bahawa pendidikan perakaunan turut memerlukan pembaharuan (Che Ku Hisham, 2008).

Dalam usaha melahirkan graduan perakaunan yang kompeten dari segi akademik dan kemahiran sosial, isu perbezaan individu perlu diberi perhatian. Dua konstruk penting yang sering terlepas pandang ialah gaya pemikiran dan pendekatan pembelajaran pelajar. Sistem pendidikan di Malaysia yang berorientasikan peperiksaan menyebabkan golongan pendidik lebih memfokuskan untuk menghabiskan sukatan pelajaran mengikut masa yang ditetapkan berbanding memperbaiki proses pengajaran bersesuaian dengan gaya pelajar. Justeru para pendidik lebih selesa dengan strategi pengajaran tradisional yang berpusatkan guru dan menekankan penghafalan (Salmah, 2000). Senario ini tidak terkecuali bagi sistem pendidikan Perakaunan di matrikulasi.

Strategi pengajaran dan kaedah penilaian di matrikulasi dilihat hanya memberi manfaat kepada sebilangan pelajar sahaja manakala sebilangan yang lain ketinggalan akibat ketidaksesuaian dengan gaya pemikiran mereka. Justeru, kesan pembelajaran kepada pelajar hanya bersifat sementara. Laporan kajian Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara (2003) mendapati pelajar lepasan matrikulasi jurusan perakaunan yang



berprestasi tinggi dan sederhana tidak dapat mengekalkan prestasi sedemikian di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Selain daripada itu, kurangnya usaha untuk memahami perbezaan gaya pemikiran dan pendekatan pembelajaran pelajar menyebabkan segelintir pelajar yang tidak dapat menyesuaikan gaya mereka dengan sistem di matrikulasi akan terus diabaikan.

Pelajar lepasan program matrikulasi seolah-olah diragui kemampuannya. Naib Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM), Prof Datuk Dr Sahol Hamid Abu Bakar telah membuat kenyataan seolah-olah mempertikaikan keberkesanan sistem matrikulasi dalam menjanjikan peluang kemasukan ke jurusan ijazah. Secara khusus beliau menyentuh kegagalan pelajar lepasan matrikulasi mendapat tempat dalam jurusan perakaunan. Beliau turut mempersoalkan adakah pelajar matrikulasi sekadar menghafal untuk lulus cemerlang atau benar-benar menguasai ilmu yang diajar disebabkan tempoh pengajian yang singkat jika dibandingkan dengan pelajar Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan pelajar diploma. Selain daripada itu beliau turut menyatakan pelajar lepasan diploma yang menyambung pengajian ke peringkat ijazah adalah lebih berkualiti berbanding mereka yang menyertai matrikulasi terlebih dahulu. (“Pengajian Diploma Lebih Jamin Tempat Pelajar Melayu Di IPTA”, 2010).

Peningkatan kesedaran tentang kepentingan pendidikan perakaunan dalam menyumbang kepada melahirkan modal insan bertaraf dunia menjadikan isu pemahaman dalam perbezaan gaya pemikiran dan pendekatan pembelajaran individu pelajar perlu diberi penekanan. Pendidik yang memahami kepelbagaian individu pelajarnya bukan sahaja menghasilkan pelajar yang cemerlang tetapi juga individu yang berjaya dalam hidup mereka.





1.4 Tujuan Dan Objektif Kajian

Secara umumnya kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti gaya pemikiran yang dominan dan kecenderungan pendekatan pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar matrikulasi dalam mata pelajaran Perakaunan.

Secara khususnya objektif kajian ini adalah untuk :

- i. mengenalpasti gaya pemikiran yang dominan di kalangan pelajar matrikulasi dalam mata pelajaran Perakaunan.
- ii. mengenalpasti pendekatan pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar matrikulasi dalam mata pelajaran Perakaunan.
- iii. mengenalpasti perbezaan gaya pemikiran pelajar matrikulasi dalam mata pelajaran Perakaunan dari aspek jantina dan pengetahuan sedia ada.
- iv. mengenalpasti perbezaan pendekatan pembelajaran pelajar matrikulasi dalam mata pelajaran Perakaunan dari aspek jantina dan pengetahuan sedia ada.
- v. mengenalpasti hubungan antara gaya pemikiran dan pendekatan pembelajaran pelajar matrikulasi dalam mata pelajaran Perakaunan.



1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menjawab persoalan-persoalan kajian berikut :

- i. Apakah gaya pemikiran yang dominan di kalangan pelajar matrikulasi dalam mata pelajaran perakaunan?
- ii. Apakah pendekatan pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar matrikulasi bagi mata pelajaran Perakaunan?
- iii. Adakah terdapat perbezaan gaya pemikiran pelajar matrikulasi dalam mata pelajaran perakaunan dari aspek jantina dan pengetahuan sedia ada?
- iv. Adakah terdapat perbezaan pendekatan pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar matrikulasi dalam mata pelajaran Perakaunan dari aspek jantina dan pengetahuan sedia ada?
- v. Adakah terdapat hubungan antara gaya pemikiran dan pendekatan pembelajaran pelajar matrikulasi dalam mata pelajaran Perakaunan?

1.6 Hipotesis Kajian

Bagi menjawab persoalan-persoalan kajian tersebut, hipotesis nul telah dibentuk seperti berikut:

H_{01} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan dari segi gaya pemikiran dalam mata pelajaran Perakaunan.



H_{02} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar gred A, B, C dan tiada asas semasa SPM dari segi gaya pemikiran dalam mata pelajaran Perakaunan.

H_{03} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan dari segi pendekatan pembelajaran yang diamalkan dalam mata pelajaran Perakaunan.

H_{04} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar gred A, B, C dan tiada asas semasa SPM dari segi pendekatan pembelajaran yang diamalkan dalam mata pelajaran Perakaunan.

H_{05} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya pemikiran dan pendekatan pembelajaran pelajar matrikulasi dalam mata pelajaran



Perakaunan.

1.7 Kepentingan Kajian

Setiap individu pelajar mempunyai gaya pemikiran yang tersendiri yang mendorong kepada kecenderungan mereka menjalani proses pembelajaran. Maklumat berkaitan gaya pemikiran boleh membantu institusi pendidikan supaya lebih peka kepada perbezaan yang dibawa oleh pelajar ke dalam bilik darjah. Pendidik yang mengenal pasti gaya pemikiran dan pendekatan pembelajaran seseorang pelajar dan kemudiannya





menyediakan pengajaran yang konsisten dengan gaya tersebut akan menyumbang kepada pembelajaran yang lebih berkesan dan berkekalan.

Dapatan kajian ini penting di kalangan pendidik supaya mereka dapat memahami pelbagai gaya pemikiran dan pendekatan pembelajaran di kalangan pelajar. Seterusnya, ia dapat membantu para pendidik menyesuaikan kaedah pengajaran dan penilaian dengan gaya pemikiran dan pendekatan pembelajaran pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran terutamanya dalam mata pelajaran Perakaunan. Hal ini penting kerana kesepadanan antara kaedah pengajaran dan gaya pemikiran merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi hasil pembelajaran.

Di samping itu, maklumat dan hasil dapatan kajian boleh dijadikan sebagai satu panduan dalam penggubalan kurikulum Perakaunan di peringkat matrikulasi terutamanya dalam sistem penilaian agar tidak terlalu berorientasikan peperiksaan. Gaya pemikiran perlu diambil kira dalam proses pendidikan agar para pendidik dapat sama-sama menimba pengetahuan dan akan mengajar secara kreatif serta inovatif mengikut keperluan pelajar-pelajar.

1.8 Teori Pengurusan Mental Kendiri (*The Theory of Mental Self-Government*)

Teori mengenai gaya pemikiran yang menjadi minat para penyelidik adalah yang diilhamkan oleh Robert J. Sternberg iaitu teori pengurusan mental sendiri. Teori gaya pemikiran Sternberg pertama kalinya diterbitkan pada tahun 1988. Dengan menggunakan perkataan “*government*”, Sternberg telah mencadangkan terdapat banyak cara untuk mentadbir sesebuah masyarakat dan ada banyak cara menggunakan keupayaan yang sedia





ada (Sternberg, 1994; Sternberg & Zhang, 2005). Cara menggunakan keupayaan yang berlainan boleh ditafsirkan sebagai gaya pemikiran seseorang. Seseorang itu akan menggunakan gaya pemikiran yang berlainan bergantung pada masa dan situasi yang dihadapi (Vivian Low Yen Yeong, 2007)

Idea asas kepada teori pengurusan mental sendiri ialah kita harus mentadbir atau menguruskan diri sendiri dengan cara sama yang dilakukan oleh sesebuah kerajaan dalam mentadbir negara. Dalam teori ini Sternberg menegaskan, sebagaimana terdapat pelbagai cara untuk menguruskan sebuah masyarakat, begitu juga halnya dengan cara seseorang menggunakan keupayaannya untuk mengurus diri sendiri, iaitu disebut gaya pemikiran (Zhang, 2009). Menurut beliau, gaya pemikiran didefinisikan sebagai cara yang digemari oleh seseorang dalam menggunakan keupayaan yang dimiliki. Dalam menguruskan sesuatu aktiviti atau melaksanakan sesuatu tugas, seseorang akan memilih gaya yang dirasakan selesa bagi mereka untuk situasi tersebut.

Dalam teori pengurusan mental sendiri, Sternberg meletakkan kategori dan kriteria mengenai bagaimana seseorang menguruskan aktiviti pemikiran mereka dan beliau mencadangkan tiga belas gaya pemikiran yang terbahagi kepada lima dimensi. Dimensi tersebut terdiri daripada fungsi, tahap, kecenderungan, bentuk dan skop. Dimensi fungsi terdiri daripada gaya pemikiran *legislative*, *executive* dan *judicial* manakala tahap gaya pemikiran dibahagikan kepada *local* dan *global*. Dimensi kecenderungan merangkumi gaya pemikiran *liberal* dan *conservative* manakala bentuk gaya pemikiran terdiri daripada *monarchic*, *hierarchic*, *oligarchic* dan *anarchic*. Akhir sekali, dimensi skop mengandungi gaya pemikiran *internal* dan *external* (Malini, 2005; Zhang, 2004, 2009).



Sternberg menjelaskan dimensi gaya pemikiran tersebut seperti berikut (Sternberg, 1994; Zhang & Sternberg, 2005; 2006; Sternberg, Grigorenko & Zhang, 2008). Fungsi gaya pemikiran terdiri daripada *legislative*, *executive* dan *judicial*. Seseorang dengan gaya *legislative* suka kepada tugas yang memerlukan kreativiti manakala seseorang dengan gaya *executive* lebih memberi perhatian kepada pelaksanaan tugas yang mempunyai garis panduan yang telah ditetapkan. Individu dengan gaya *judicial* pula fokus kepada menilai hasil kerja orang lain serta mengkritik dan memberi maklumbalas terhadap hasil kerja tersebut.

Tahap gaya pemikiran terbahagi kepada *local* dan *global*. Individu dengan gaya *local* menumpukan kepada butiran terperinci mengenai sesuatu situasi atau masalah. Secara kontranya, individu dengan gaya *global* melihat sesuatu isu secara gambaran keseluruhan.

Kecenderungan gaya pemikiran terdiri daripada *liberal* dan *conservative*. Individu yang *liberal* gemar melaksanakan sesuatu tugas yang di luar daripada peraturan dan prosedur yang sedia ada dalam memaksimumkan perubahan dan pembaharuan dalam kehidupan. Manakala sebaliknya, individu yang *conservative* lebih suka terikat dengan peraturan yang sedia ada dalam melaksanakan tugas dan sering meminimalkan pembaharuan.

Dimensi keempat iaitu bentuk gaya pemikiran terdiri daripada *monarchic*, *hierarchic*, *oligarchic* dan *anarchic*. Seseorang dengan gaya *monarchic* gemar terlibat dengan tugas yang memerlukan mereka fokus kepada satu perkara pada sesuatu masa. Seseorang dengan gaya *hierarchic* pula suka menetapkan masa dan keutamaan dalam apa



juga tugas yang perlu disiapkan. Seseorang dengan gaya *oligarchic* suka melakukan pelbagai tugas dalam satu masa tetapi tidak gemar menetapkan keutamaan dalam menyelesaikan tugas-tugas tersebut. Akhir sekali mereka yang mempunyai gaya *anarchic* suka melaksanakan sesuatu tugas secara fleksibel iaitu yang membolehkan mereka bebas melakukan mana-mana tugas.

Dimensi kelima iaitu skop membahagikan gaya pemikiran kepada *internal* dan *external*. Individu dengan gaya *internal* lebih gemar bekerja bersendirian, kurang sensitif dan kurang kemahiran interpersonal. Manakala sebaliknya, individu dengan gaya *external* suka bekerja secara berkumpulan dan memberi peluang untuk mereka meningkatkan hubungan interpersonal. Mereka lebih *extrovert* dan lebih sensitif secara sosialnya.

Gaya-gaya pemikiran tersebut adalah bebas nilai (*value-free*), sesuatu gaya mungkin positif bagi seseorang individu tetapi sebaliknya bagi individu yang lain. Dalam kajian-kajian lepas, Zhang dan rakan-rakannya (contoh Zhang dan Postiglione, 2001; Zhang dan Sternberg, 2000) mendapati gaya-gaya pemikiran tersebut boleh dikelaskan kepada tiga kumpulan. Kumpulan pertama yang dinamakan gaya pemikiran *Type I* terdiri daripada gaya pemikiran yang menjana kreativiti dan memerlukan kesulitan kognitif peringkat tinggi. Ini termasuklah gaya pemikiran *legislative*, *judicial*, *hierarchical*, *global* dan *liberal*. Kumpulan kedua iaitu gaya pemikiran *Type II* terdiri daripada gaya pemikiran yang mencadangkan kecenderungan kepada norma yang disukai (*norm-favoring*) dan memerlukan kesulitan kognitif peringkat rendah. Gaya pemikiran yang termasuk di dalam kumpulan ini adalah *executive*, *local*, *monarchic* dan *conservative*.





Empat gaya pemikiran selebihnya iaitu *anarchic*, *oligarchic*, *internal* dan *external* boleh mempunyai ciri seperti gaya pemikiran *Type I* atau *Type II* bergantung kepada keperluan sesuatu tugas. Gaya-gaya tersebut dilabelkan sebagai gaya pemikiran *Type III* (Zhang dan Sternberg, 2005).

Ringkasan ciri setiap gaya dalam teori pengurusan mental sendiri ditunjukkan dalam Jadual 1.1 :

Jadual 1.1
Gaya Dalam Teori Pengurusan Mental Kendiri

Gaya	Ciri
Fungsi	
<i>Legislative</i>	Suka merekacipta, membuat sesuatu mengikut cara sendiri, mempunyai sedikit struktur yang ditetapkan.
<i>Executive</i>	Suka mengikut arahan, melakukan sesuatu yang disuruh, diberikan struktur.
<i>Judicial</i>	Suka menilai dan mengadili seseorang dan sesuatu.
Bentuk	
<i>Monarchic</i>	Suka melakukan satu perkara dalam satu masa, menumpukan seluruh sumber dan tenaga.
<i>Hierarchic</i>	Suka melakukan pelbagai perkara dalam satu masa, menetapkan keutamaan yang mana perlu dilakukan, bila dan berapa banyak masa dan tenaga perlu diperuntukkan kepada setiap satu.
<i>Oligarchic</i>	Suka melakukan pelbagai perkara dalam satu masa tetapi bermasalah dalam menetapkan keutamaan.
<i>Anarchic</i>	Suka menyelesaikan masalah secara rawak, tidak suka sistem, garis panduan dan semua paksaan secara praktikalnya.
Tahap	
<i>Global</i>	Suka berurusan dengan hal yang mempunyai gambaran yang luas, perkara-perkara umum dan abstrak.
<i>Local</i>	Suka berurusan dengan hal yang terperinci, tepat dan contoh yang konkrit.
Skop	
<i>Internal</i>	Suka bekerja bersendirian, fokus kepada hal dalaman, berdikari.
<i>External</i>	Suka bekerja bersama orang lain, fokus kepada hal luaran, saling bergantung.
Kecenderungan	
<i>Liberal</i>	Suka membuat sesuatu dengan cara yang baru, menentang kebiasaan.
<i>Conservative</i>	Suka membuat sesuatu dengan cara yang benar dan telah dicuba, mengikut kebiasaan.

Sumber: Sternberg (1994)





1.9 Model Pengajaran dan Pembelajaran 3P Biggs


Model Pengajaran dan Pembelajaran 3P yang mengandungi faktor *presage*, *process* dan *product* diadaptasi dari model pengajaran linear hasil idea Dunkin & Biddle pada tahun 1974 yang memasukkan pendekatan pembelajaran untuk membentuk satu sistem bilik darjah yang interaktif Biggs (2003). Tahap pertama iaitu faktor *presage* adalah aspek pelajar dan konteks pengajaran yang wujud sebelum berlakunya pengajaran di dalam bilik darjah. Ini kemudiannya akan melalui faktor *process* yang merujuk kepada percampuran antara pengajaran dan pembelajaran yang berlaku semasa interaksi di dalam bilik darjah yang kemudiannya akan ditukarkan menjadi *product*. Faktor terakhir ini biasanya dikira dalam bentuk pencapaian pelajar. Ini menjelaskan lagi bahawa proses pengajaran dan pembelajaran bukanlah proses satu hala tetapi melibatkan interaksi antara pelbagai komponen (Biggs & Moore, 1993). Rajah 1.1 menunjukkan tiga faktor yang terkandung dalam Model Pengajaran dan Pembelajaran 3P.



PRESAGE

PROCESS

PRODUCT



Rajah 1.1
Model Pengajaran dan Pembelajaran 3P (Biggs, 2003)

Faktor *presage* terdiri daripada ciri pelajar seperti pengetahuan sedia ada dan keupayaan dan konteks pengajaran seperti kaedah pengajaran dan penilaian. Faktor *process* pula menunjukkan bagaimana pelajar belajar dan dikategorikan sebagai pendekatan permukaan, mendalam atau pencapaian. Faktor yang ketiga iaitu *product* adalah hasil pembelajaran sama ada secara kualitatif, kuantitatif dan sebagainya.

Pemahaman Biggs yang semakin berkembang berkenaan sifat semulajadi dalam proses pembelajaran yang kompleks telah digambarkan dalam model tersebut. Sistem interaktif ini memetakan bagaimana konsep dan pendekatan pembelajaran pelajar berinteraksi dengan ciri-ciri dalam persekitaran pembelajaran untuk memberikan hasil pembelajaran tertentu. Oleh yang demikian, Model Pengajaran dan Pembelajaran

Pembelajaran 3P ini dapat menjelaskan hubungan antara faktor peribadi pelajar dan konteks pengajaran (*presage*), pendekatan pembelajaran (*process*) dan hasil pembelajaran (*product*).

1.9.1 Pendekatan Permukaan dan Pendekatan Mendalam

Pada peringkat awal kajian berkenaan pendekatan pembelajaran, beberapa istilah lain telah digunakan yang mana ianya juga merujuk kepada pendekatan permukaan dan pendekatan mendalam. Ausubel (1968) menggunakan istilah pembelajaran bermakna (*meaningful*) dan hafalan (*rote*), Wittrock (1974) merujuk kepada pemprosesan *generative* dan *reproductif* manakala Thomas & Bain (1984) mengkategorikan kepada pembelajaran *transformational* dan *reproductif* (dalam Kember, 1996).

Prosser & Trigwell (1999) menjelaskan ciri-ciri pendekatan permukaan dan pendekatan mendalam dalam bukunya yang bertajuk '*Understanding learning and teaching: The experience in higher education*'. Pendekatan mendalam berhubung dengan motivasi untuk memahami dan mencari makna sesuatu idea. Pelajar yang menggunakan pendekatan ini mempunyai minat dan keseronokan terhadap tugas yang timbul dari dalam diri pelajar itu sendiri. Mereka menggunakan strategi yang dapat memenuhi sifat ingin tahu mereka seperti menyepadukan tugas tersebut dengan pengalaman sendiri, menghubungkan dan membezakan bukti dan hujah, mencari pola dan prinsip yang mendasari, menyatukan tugas dengan kesedaran sedia ada, melihat bahagian-bahagian yang membentuk suatu tugas, membina teori dan hipotesis dan menghubungkan pemahaman dari bahagian lain dalam subjek yang sama dan juga subjek yang lain. Secara

keseluruhannya, mereka mempunyai fokus terhadap makna atau hubungan dalam sesuatu hujah tetapi mereka sedar bahawa perkataan atau teks tersebut yang membawa makna.

Menurut Prosser & Trigwell (1999) lagi, dalam menggunakan pendekatan permukaan pelajar melihat tugas sebagai bebanan luaran dan mereka mempunyai niat untuk memenuhi keperluannya. Secara pragmatiknya mereka dimotivasikan untuk memenuhi keperluan minimum tugas tersebut. Antara strategi pembelajaran mereka ialah memfokus kepada bahagian-bahagian yang terpisah di dalam teks, memfokuskan kepada apa yang dianggap penting seperti fakta atau persembahan simbolik, mempersembahkan kembali perkara penting tersebut seberapa tepat yang boleh dan mengamalkan rutin penghafalan untuk tujuan penilaian dan bukan untuk pemahaman. Secara keseluruhannya, pelajar ini dilihat menjalani pembelajaran tanpa refleksi terhadap tujuan atau strategi dan fokus kepada perkataan atau teks.

Menurut Biggs (1987, dalam Lim Tzyy Chyun, 2007), seseorang pelajar yang mengamalkan pendekatan mendalam adalah:

- Berminat dalam tugas akademik dan menikmati proses melakukannya.
- Mencari maksud yang terkandung dalam tugas itu.
- Menjadikan tugas itu bermakna untuk pengalaman sendiri dan dalam keadaan sebenar.
- Menyepadukan bahagian atau aspek tugas kepada satu yang lengkap (contohnya mengaitkan bukti dengan kesimpulan), menghubungkan dapatan dengan pengetahuan yang lepas.
- Cuba membina teori daripada tugas atau membentuk hipotesis.

Manakala seseorang pelajar yang mengamalkan pendekatan permukaan adalah:

- Melihat tugas sebagai syarat yang perlu dipenuhi.
- Melihat bahagian atau aspek tugas sebagai sesuatu yang tersendiri dan tidak ada kaitan antara satu sama lain atau dengan tugas yang lain.
- Bimbang terhadap masa yang diambil untuk tugas.
- Mengelakkan makna lain yang dibawa oleh tugas.
- Bergantung pada penghafalan, cuba untuk menghasilkan tugas yang membawa makna permukaan sahaja.

Greasley & Ashworth (2007) telah merumuskan pendekatan mendalam terhadap pembelajaran merangkumi tingkah laku seperti pembacaan teks untuk mencari makna dan bertujuan untuk memahami. Pendekatan permukaan pula bermaksud membaca dengan usaha sekadar untuk mengingat fakta-fakta yang tidak bersambungan di dalam teks. Rajah 1.2 menunjukkan elemen kedua-dua pendekatan pembelajaran yang mereka sediakan yang mana ianya adalah versi ringkasan.



Rajah 1.2
Elemen Pendekatan Pembelajaran

Biggs (1991) membuat kesimpulan kedua-dua pendekatan pembelajaran tersebut berdasarkan motif dan strategi seperti dalam Jadual 1.2:

Jadual 1.2
Motif dan Strategi Pendekatan Pembelajaran

	Pendekatan	
	Motif	Strategi
MENDALAM	Intrinsik: berpuas hati dengan kefahaman tentang sesuatu topik.	Memaksimakan pemahaman: banyak membaca, berbincang dan berfikir.
PERMUKAAN	Ekstrinsik: mengelakkan kegagalan tetapi tidak berusaha gigih	Fokus kepada perkara terpilih sahaja dan menghasilkan semula dengan tepat.

Sumber: Biggs (1991)

Pelajar dalam peringkat pengajian tinggi yang menggunakan pendekatan permukaan melihat diri mereka mempunyai prestasi akademik yang rendah dan ketidakpuashatian yang tinggi terhadap prestasi tersebut berbanding rakan-rakan lain yang menggunakan pendekatan mendalam (Biggs & Moore, 1993). Dari segi hasil pembelajaran pula, Case dan Gunstone (2003) menyatakan pendekatan mendalam yang mana pelajar mempunyai niat untuk memahami, adalah berhubungkait dengan hasil pembelajaran yang lebih baik berbanding dengan pendekatan permukaan. Kedua-dua jenis pendekatan pembelajaran ini turut memberi kesan yang berbeza terhadap prestasi, pendidikan dan personaliti pelajar. Biggs & Moore (1993) merumuskan kesan pendekatan pembelajaran ke atas individu pelajar seperti di dalam Jadual 1.3 :

Jadual 1.3
Kesan Pendekatan Pembelajaran

Pendekatan Pembelajaran	Kesan
Pendekatan Mendalam	Prestasi : Prestasi yang baik dalam peperiksaan luaran tetapi hanya pada mata pelajaran yang menarik, belajar konsep dan prinsip-prinsip dengan struktur kompleksiti tinggi yang boleh digunakan untuk menafsirkan secara terperinci
	Pendidikan : Mempunyai niat untuk melanjutkan pendidikan formal ke peringkat pengajian tinggi, konsep sendiri akademik yang baik, melihat diri sebagai pelajar yang baik dan puas hati dengan kemajuan.
	Personaliti : Lokus kawalan dalaman (percaya bahawa diri sendiri yang menentukan perjalanan hidup) tetapi tidak berkaitan dengan IQ (membolehkan prestasi tinggi dalam mata pelajaran tertentu), pelajar dengan latar belakang dwibahasa cenderung memiliki orientasi yang mendalam begitu juga pelajar yang lebih matang dan orang dewasa.

Jadual 1.3 (sambungan)

Pendekatan Pembelajaran		Kesan
Pendekatan Permukaan	Prestasi :	Pencapaian rendah dalam peperiksaan termasuk peperiksaan luaran tetapi baik dalam mengingat semula fakta yang tidak berkaitan.
	Pendidikan :	Berniat untuk menamatkan pembelajaran formal secepat yang mungkin, konsep sendiri akademik yang lemah, tidak puas hati dengan kemajuan akademik.
	Personaliti :	Lokus kawalan luaran (percaya bahawa orang lain yang menentukan perjalanan hidup), rendah IQ lisan, memiliki ciri-ciri pelajar remaja berbanding dewasa.

Sumber: Biggs & Moore (1993)

Prosser dan Trigwell (1999) dan Biggs (2003) menyimpulkan beberapa ciri pengajaran di dalam bilik darjah yang didapati mempunyai perkaitan dengan penggunaan pendekatan mendalam manakala ciri sebaliknya menjurus kepada pendekatan permukaan (Felder & Brent, 2005):

- Minat dan pengetahuan latar belakang sesuatu subjek menggalakkan pendekatan mendalam.
- Harapan dan maklum balas terhadap kemajuan yang dinyatakan dengan jelas menggalakkan pendekatan mendalam.
- Kaedah penilaian yang menekankan pemahaman konseptual menggalakkan pendekatan mendalam.
- Kaedah pengajaran yang merangsang pembelajaran aktif dan jangka panjang menggalakkan pendekatan mendalam.


- Peluang untuk membuat pilihan sendiri dalam kaedah dan kandungan pelajaran menggalakkan pendekatan mendalam.
- Pengajaran yang merangsang dan prihatin menggalakkan pendekatan mendalam.
- Bahan yang keterlaluan dalam kurikulum dan beban tugas yang tidak munasabah tidak menggalakkan pendekatan mendalam.
- Pengalaman lepas dengan sistem pendidikan yang menggalakkan pendekatan mendalam akan terus menggalakkan pendekatan mendalam.

1.10 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual ini dibina berdasarkan Teori Pengurusan Mental Kendiri Sternberg dan Model Pengajaran dan Pembelajaran 3P Biggs. Daripada banyak teori yang wujud, kedua-dua teori ini paling menjanjikan peningkatan keberkesanan dalam pengajaran dan pembelajaran (Zhang, 2004). Pembolehubah bersandar terdiri daripada gaya pemikiran (*legislative, executive, judicial, internal* dan *external*) dan pendekatan pembelajaran (pendekatan mendalam dan pendekatan permukaan). Zhang (2000b) dan Zhang & Sternberg (2000) telah membuktikan bahawa gaya pemikiran mempunyai hubungan dengan pendekatan pembelajaran. Pembolehubah bebas terdiri daripada faktor demografi iaitu jantina dan gred mata pelajaran Prinsip Perakaunan dalam SPM. Faktor jantina dan pengetahuan sedia ada merupakan antara elemen yang terkandung dalam fasa *presage* dalam Model Pengajaran dan Pembelajaran 3P Biggs. Menurut Mayer (2008) terdapat banyak kajian dalam ilmu pembelajaran yang menegaskan bahawa aspek perbezaan

individu yang sangat penting ialah pengetahuan sedia ada. Bryant dan Hunton (2000 dalam Halabi, Tuovinen & Farley, 2005) turut melaporkan pengetahuan sedia ada adalah antara sifat pelajar yang penting. Ini kerana pengetahuan sedia ada pelajar dalam sesuatu bidang mempengaruhi minat pelajar dalam bidang tersebut (Tobias, 1994) dan seterusnya memberi kesan kepada gaya pemikiran dan pendekatan pembelajaran mereka.

Rajah 1.3 menunjukkan kerangka konseptual bagi kajian ini. Kerangka ini dibentuk berdasarkan Teori Pengurusan Mental Kendiri dan Model Pengajaran dan Pembelajaran 3P. Faktor demografi iaitu jantina dan gred Prinsip Perakaunan manakala gaya pemikiran dan pendekatan pembelajaran merupakan pembolehubah bersandar. Dapatan kajian ini akan memberikan maklumat mengenai gaya pemikiran dan pendekatan pembelajaran yang cenderung diamalkan oleh para pelajar KMM dalam mempelajari mata pelajaran Perakaunan. Maka seterusnya hasil kajian ini akan membantu para pendidik khususnya di kolej matrikulasi memperbaiki mutu pengajaran dan penilaian pelajar supaya lebih bersesuaian dengan gaya pemikiran dan pendekatan pembelajaran mereka.

Pembolehubah BebasPembolehubah Bersandar

Rajah 1.3
Kerangka Konseptual Kajian
(Diadaptasi dan diubahsuai daripada Chun-Hsien Chen, 2001)

1.11 Batasan Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada para pelajar matrikulasi jurusan Perakaunan di salah sebuah Kolej Matrikulasi, Kementerian Pelajaran Malaysia bagi satu sesi pengambilan sahaja. Oleh itu dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada sesi pengambilan lain atau pelajar-pelajar matrikulasi jurusan Perakaunan di kolej-kolej matrikulasi atau institusi pendidikan yang lain. Nisbah pelajar lelaki dan perempuan bagi sesi pengambilan ini adalah tidak seimbang maka oleh itu sampel kajian adalah terbatas kepada ketidakseimbangan tersebut.

Kajian ini juga terbatas kepada lima jenis gaya pemikiran sahaja iaitu *executive*, *legislative*, *judicial*, *internal* dan *external*. Lima jenis gaya pemikiran ini telah dibuktikan

bersesuaian dengan persekitaran pembelajaran pelajar jurusan perakaunan (Chun-Hsien Chen, 2001). Bagi pendekatan pembelajaran pula, kajian ini hanya memfokuskan kepada pendekatan mendalam dan pendekatan permukaan selaras dengan soal selidik yang telah disemak semula (Biggs, Kember & Leung, 2001).

1.12 Definisi Operasional

1.12.1 Mata Pelajaran Perakaunan

Mata pelajaran Perakaunan merupakan salah satu mata pelajaran teras yang perlu diikuti oleh pelajar matrikulasi jurusan Perakaunan. Ia terdiri daripada Perakaunan Kewangan pada semester satu dan Perakaunan Pengurusan pada semester dua. Kajian ini memfokuskan kepada mata pelajaran Perakaunan Kewangan.

1.12.2 Gaya Pemikiran

Gaya pemikiran merupakan sesuatu cara yang digemari oleh seseorang dalam menggunakan keupayaannya untuk memproses maklumat dalam suatu masa dan situasi tertentu. Dalam kajian ini, terdapat lima gaya pemikiran yang akan dikaji iaitu *legislative*, *executive*, *judicial*, *internal* dan *external*.

1.12.3 Pendekatan Pembelajaran

Pendekatan pembelajaran pelajar didefinisikan sebagai cara pelajar menjalani proses pembelajaran (strategi) dan sebab mereka mengambil strategi tersebut (niat) (Prosser &

Trigwell, 1999). Dalam kajian ini pendekatan pembelajaran yang akan dikaji ialah pendekatan mendalam dan pendekatan permukaan.

1.12.4 Pelajar

Pelajar yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah pelajar jurusan Perakaunan di salah sebuah Kolej Matrikulasi Kementerian Pelajaran Malaysia bagi sesi ambilan 2010/2011.

1.12.5 Kolej Matrikulasi

Kolej matrikulasi dalam konteks kajian ini ialah kolej matrikulasi di bawah seliaan Bahagian Matrikulasi, Kementerian Pelajaran Malaysia. Ini tidak termasuk kolej-kolej matrikulasi teknikal dan kolej matrikulasi di bawah seliaan MARA.

1.12.6 Pengetahuan Sedia Ada

Pengetahuan sedia ada dalam konteks kajian ini ialah gred yang diperolehi oleh pelajar bagi mata pelajaran Prinsip Perakaunan semasa SPM yang lepas iaitu gred A, B, C atau tiada asas.

1.13 Rumusan

Dalam bab ini telah dibincangkan pengenalan serta latar belakang kajian yang dijalankan. Pengkaji juga turut mengemukakan pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian dan definisi operasional bagi istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini. Bab ini sedikit sebanyak memberi gambaran kepada keseluruhan kajian yang dijalankan.